

Dewan Dato' Madi / Dewan Serbaguna Guar Chempedak

- a. Setiap permohonan sewaan perlu mendapat kelulusan dari Majlis Daerah Yan.
- b. Pastikan kebersihan di dalam dan luar dewan dalam keadaan bersih dan tiada sampah yang ditinggalkan selepas tempoh sewaan.
- c. Pastikan peralatan yang disewakan dikembalikan dalam keadaan baik seperti asal serta dalam kuantiti yang mencukupi.
- d. Dilarang memasak di dalam dewan atau melakukan sesuatu yang boleh mengotorkan dewan.
- e. Dilarang merokok di dalam dewan.
- f. Patung atau berhala bagi tujuan keagamaan adalah tidak dibenarkan sama sekali.
- g. Penyambungan talian elektrik dari dewan ke luar dewan tidak dibenarkan tanpa kelulusan pihak majlis.
- h. Pastikan berpakaian sopan dan tidak menjolok mata bagi setiap program / majlis / aturcara yang diadakan.
- i. Bagi program yang memerlukan persiapan awal, kerja-kerja persiapan hendaklah mendapat kebenaran dari pihak majlis terlebih dahulu dan akur kepada syarat kebenaran yang telah diberikan.
- j. Sebarang kerosakan pada aset / kehilangan peralatan yang disewa hendaklah ditanggung oleh pemohon / penyewa.
- k. Pemohon / penyewa atau disebut pihak penganjur perlu bertanggungjawab atas kecelakaan / kemalangan / kehilangan / kecurian yang berlaku dalam tempoh penyewaan.